

KOLEKSI E-BOOK MSK 2022 - KOMUNIKASI

PENULISAN RENCANA

Panduan Untuk Bakal Penulis

MD SALLEH KASSIM



PENULISAN RENCANA

MD. SALLEH KASSIM

Sarjana Kewartawanan (Boston University)

Copyright Md. Salleh Kassim 2022

Koleksi E-Book MSK 2022 - Komunikasi

PENULISAN RENCANA

PENGENALAN

Rencana merupakan bentuk karangan menarik yang mempunyai beberapa ciri tertentu. Ia adalah adunan karangan yang mengandungi maklumat, ulasan, huraian atau penceritaan sesuatu perkara yang biasanya berdasarkan fakta-fakta sebenar. Rencana memapar sesuatu peristiwa yang telah, sedang dan akan berlaku di kalangan masyarakat.

Rencana boleh melukiskan dan menggambarkan suasana serta menjelaskan keadaan. Dalam keadaan tertentu ia mampu merangsang minda pembaca untuk berfikir.

Untuk itu, E-Book yang dihasilkan ini menyajikan pendekatan, petua dan cara bagi menghasilkan rencana dengan bermatlamat memberi bimbingan kepada mereka yang mahu berjinak-jinak untuk menghasilkan karya berbentuk rencana.

Penulis cuba sedaya upaya menyusun buku ini untuk disesuaikan dengan keperluan, bukan sahaja untuk mahasiswa di menara gading, malah juga bagi mereka yang mahu berjinak-jinak dengan dunia penulisan.

Adalah diharapkan usaha kecil ini dapat memberi sumbangan yang tidak sepeertinya kepada masyarakat pembaca. Di samping itu penulis berharap usaha kecil ini mampu membantu mewarnai lebih banyak penulisan rencana untuk dimuatkan di pelbagai akhbar atau majalah tempatan sama ada berbentuk konvensional atau berbentuk talian – online.

PENULISAN RENCANA



KANDUNGAN

Pengenalan.	3
Kandungan.	5
1.1 Pengertian Rencana	7
1.2 Sifat Sesebuah Rencana.	8
1.3 Rangka Rencana.	11
1.4 Pendulu Rencana.	12
1.5 Tubuh Rencana & Penutup.	12
1.6 Jenis Penutup.	13
1.7 Alat Penyambung.	16
1.8 Teknik Menulis Rencana.	16
1.9 Alat Bantu Menghasilkan Rencana.	17
1.10 Panduan Membuat Petikan.	23
1.11 Sumber Rencana.	23
1.12 Jenis Rencana.	25
1.13 Latihan.	32
Bibliografi.	33
Profil Penulis.	34

PENULISAN RENCANA SATU PENGENALAN



Penulisan Rencana



Satu lagi bentuk penulisan yang lazimnya terdapat di akhbar mahupun majalah ialah penulisan rencana. Dalam bab ini, penulis cuba menggariskan teknik menulis rencana di akhbar. Dalam keadaan tertentu cara ini juga boleh disesuaikan untuk menulis rencana untuk majalah. Bab ini antara lain cuba mengenalpasti akan sifat sebuah rencana, cara mendapat maklumat serta cara menghasilkan penulisan rencana. Teknik menulis Pendulu, Tubuh Berita serta perenggan penamat yang perlu ada dalam rencana turut disentuh dengan lebih terperinci. Alat bantu yang diperlukan dalam Penulisan Rencana turut juga dikemukakan untuk memudahkan para pelajar. Di peringkat terakhir diterangkan jenis rencana. Sebagaimana kedua-dua bab sebelumnya bahagian ini juga dilengkapi dengan latihan bagi memudahkan para pelajar mempraktikkan teori yang dipelajarinya.

1.1 Pengertian Rencana

Rencana merupakan bentuk karangan menarik yang mempunyai beberapa ciri tertentu. Ia ditulis secara kreatif dan kadangkala subjektif dengan tujuan memberi maklumat, penerangan serta hiburan kepada para pembaca. Ia boleh juga ditulis berdasarkan kepada berita, diolah sedemikian rupa, sehingga tahap kepentingannya bukanlah pada isi kandungan berita itu, tetapi pada cara ia dikemukakan.

Menurut Julian Hariss & Stanley Johnson, rencana tidak perlu mempunyai peraturan yang ditetapkan sama ada dari segi stail, bentuk dan isi kandungan.¹ Ia boleh ditulis mengikut bentuk dan stail 5 W & 1H. Ia boleh juga bercorak deskriptif mahupun naratif. Dalam erti kata lain, rencana boleh melukiskan dan menggambarkan suasana serta menjelaskan keadaan.

Jelasnya, penekanan Rencana adalah cara-cara kejadian yang diberitakan itu dilukiskan. Rencana memapar sesuatu peristiwa yang telah, sedang dan akan berlaku di kalangan masyarakat.

Perlukisan tersebut bertujuan untuk menghibur, menimbulkan rasa hairan, geli hati (Humor), takjub, cemas, terharu dan kasihan. Sebagaimana disebut awal tadi. Rencana juga bertujuan untuk mendidik, menambahkan pengetahuan, serta menimbulkan rasa keindahan untuk dihayati pembaca. Walau bagaimanapun kesemua bentuk penulisan rencana adalah bercorak deskriptif dan bukan berbentuk kreatif yang berdasarkan kepada rekaan atau khayalan penulis. Penulisan rencana berbeza daripada penulisan berita biasa. Rencana boleh disimpan untuk beberapa ketika sebelum disiarkan. Ia tidak mempunyai had panjang seperti biasa. Penulisan rencana memberikan peluang kepada penulis untuk menulis secara deskriptif dan menggunakan teknik yang tidak digunakan ketika membuat berita biasa. Kemungkinan juga rencana serupa ini tidak mempunyai nilai berita.

¹ Julian Haiss dan Stanley Johnson, *The Complete Reporter*, Macmillan Publishing Co, New York 1965, hlm.152

1.2 Sifat Sesebuah Rencana

(i) Kreatif:

Di dalam penulisan rencana, wartawan dibolehkan menulis karya mengikut daya kreatifnya yang tersendiri. Walaupun penulis masih terikat dengan etika ketepatan, hasil karya berbentuk cereka adalah dilarang. Sebagai contoh, seorang wartawan yang ditugaskan membuat sebuah rencana umum mengenai Hari Raya. Walaupun dia boleh menulis mengenai perayaan tersebut secara umum, beliau boleh juga menulis rencana mengenai peristiwa sedih yang dialami anak-anak yatim. Kemungkinan juga mereka boleh menulis rencana mengenai pengalaman mereka sendiri yang tidak pulang ke kampung atau pengalaman seorang peminta sedekah pada pagi Hari Raya.

(ii) Subjektif:

Berbeza daripada berita biasa, rencana boleh ditulis dengan menggunakan ganti nama yang pertama seperti Aku, Saya dan Kami. Ini boleh memberi peluang kepada penulis berkenaan memberitakan pandangan atau merakamkan perasaannya ketika menulis berita itu. Sungguhpun kebanyakan wartawan telah dilatih supaya bersikap objektif di dalam membuat berita, namun di dalam penulisan rencana, penulis boleh menggunakan cara lain yang lebih menarik.

Wartawan berkenaan boleh menceritakan tentang pengalamannya sendiri mengenai suatu peristiwa menarik. Dengan cara ini, dia boleh menghasilkan sebuah rencana menarik kerana pembabaitan penulis itu sendiri dirakamkan dalam rencana berkenaan. Sebagai contoh, pengalaman hilang di hutan, pengembaraan seseorang dan lain-lain lagi boleh dijadikan bahan penulisan rencana.

Walau bagaimanapun, wartawan sepatutnya tidak boleh menonjolkan nama sendiri. Kebanyakan pengarang akan memerhatikan keadaan tersebut dan seringkali mereka yang kurang menonjolkan ego sendiri, dapat menghasilkan rencana yang lebih objektif dan berkesan.

(iii) Memberi maklumat:

Penulisan rencana dapat memberi maklumat yang lebih banyak dan lebih jelas kepada para pembaca daripada yang terdapat dalam penulisan berita. Misalnay di bandar tempat anda tinggal terdapat sebuah zoo yang terpaksa ditutup kerana kekurangan wang untuk mengendalikannya. Seorang wartawan boleh membuat berita biasa di atas tajuk: “Zoo X akan ditutup”. Tetapi sebagai seorang penulis rencana, anda boleh membuat wawancara dengan beberapa pihak yang terbabit dan membuat sebuah rencana menarik memaparkan maklumat kepada masyarakat pembaca ini, mungkin usaha untuk menyelamatkan zoo tersebut daripada ditutup.

Masalah sosial seperti isu setingan, dilema peniaga kecil serta masalah para pekerja kilang adalah juga tajuk rencana yang menarik. Hasil daripada penulisan rencana ini kadangkala dapat membantu perubahan di kalangan masyarakat.

(iv) Menghibur

Rencana juga adalah satu bentuk tulisan yang digunakan untuk tujuan memberi hiburan. Rencana lebih panjang daripada berita dan mencakupi beberapa aspek penting. Sekiranya para pembaca mendengar sesuatu peristiwa penting di radio atau di televisyen, sekurang-kurangnya mereka boleh mengikuti rencana yang lebih mendalam mengenainya di akhbar hari esoknya.

Rencana juga memberikan gambaran menarik hasil daripada berita biasa sama ada berita jenayah, pengadilan, kemalangan dan lain-lain. Seorang wartawan boleh menulis rencana mengenai seseorang peminat bola sepak yang tertua atau yang termuda di stadium. Wartawan juga boleh mewawancara pemain sendiri atau isterinya serta pengalaman masing-masing. Kesemua bentuk berita ini boleh menghiburkan para pembaca. Pemberita yang membuat liputan di Ibu Pejabat Polis misalnya, boleh menulis dan mengumpul pengalaman yang menarik sepanjang masa sebulan dalam bentuk rencana.

Seorang wartawan yang mengkhususkan liputan di bidang pelajaran, boleh menulis rencana pengalaman pelajar yang baru menjejaskan kakinya di sekolah, universiti atau pengalaman para pelajar ketika menghadapi peperiksaan.

Daripada contoh yang diberi, jelas menunjukkan bahwa rencana bertujuan untuk menghibur para pembaca supaya mereka terus berminat mermbaca akhbar itu.

(v) **Tidak Basi:**

Seorang wartawan yang menulis berita biasa dan berusaha sedaya upaya menghasilkan sebuah berita untuk disiarkan pada waktu yang ditetapkan. Mereka berpegang teguh kepada konsep, “Akhbar kelmarin hanya sesuai dijadikan pembungkus kacang’.

Bagi sebuah rencana, mengejar *deadline* tidaklah begitu dipentingkan. Rencana yang dihasilkan boleh disimpan beberapa hari, minggu atau bulan. Kebanyakan akhbar akan menyimpan rencana di dalam file simpanan mereka, dan akan menggunakannya pada hari mereka tidak menghasilkan berita untuk disiarkan.

Kebanyakan pertubuhan akhbar di negara ini mempunyai penulis rencana sendiri. Rencana yang ditulis oleh penulis luar atau para wartawan sendiri sering juga digunakan terutamanya oleh akhbar mingguan seperti **Mingguan Malaysia**, **Berita Minggu** dan akhbar berbahasa Inggeris seperti **New Sunday Times** dan **The Star**.

Untuk menulis rencana, memerlukan masa yang lebih panjang dibandingkan dengan penulisan berita biasa. Membuat sebuah profil mengenai pemain bolasepak negara Safawi Rasid, adalah lebih berkesan sekiranya dapat diwawancara jurulatih, rakan sepermainan, ayah, ibu, serta Safawi sendiri.

Setelah dikumpulkan bahan yang diperlukan, wartawan boleh menaip drafnya, disunting, ditaip lagi dan disunting sehingga puas hati. Penulis rencana mungkin mengambil masa berhari-hari dan mungkin berminggu-minggu menulis sebuah rencana. Oleh yang demikian, soal mengejar waktu sebagaimana membuat berita tidak timbul sama sekali. Walau bagaimanapun, ketika menulis rencana mengenai perayaan seperti Hari Raya Puasa, Hari Krismas, Hari Thaipusam, dan lain-lain persediaan awal adalah diperlukan.

Ketika menulis berita biasa, wartawan dilarang memberi pendapat atau pandangan sendiri. Bagi rencana pula, penulis berpeluang untuk menjadi pencerita dan boleh memberikan pandangan sendiri. Sebagai pencerita, penulis rencana itu akan menggambarkan sesuatu perkara dengan begitu teliti dan menarik serta cuba menarik perhatian pembaca menghayati cerita tersebut.

Seorang wartawan yang menulis rencana sekiranya meliputi suatu majlis perasmian mesyuarat boleh menggambarkan raut muka si peminat, kelancaran bahasanya, baju yang dipakainya, cara dia berbual dan lain-lain.

Walapun rencana mengandungi banyak maklumat tentang perkara yang diliputi, tidak bermakna wartawan tersebut dibenarkan mengambil fakta yang tidak penting dengan tujuan sekadar memanjangkan rencana itu sahaja.

Cara Mendapatkan Maklumat Yang Tepat Untuk Sesebuah Rencana.

Kebanyakan kesilapan yang dibuat ketika menulis rencana adalah tidak disengajakan tetapi disebabkan kelalaian wartawan. Seorang wartawan mungkin mempunyai sedikit masa atau malas meneliti fakta yang ditulis. Mereka hanya sedar akan kesalahan fakta atau butir di dalam rencana setelah rencana itu tersiar di akhbar pada keesokan harinya.

Bagi mengelakkan dari berlakunya kesilapan seperti ini, perkara berikut hendaklah diberi perhatian:

(i) Apabila membuat wawancara dengan seseorang, tanpa namanya, umur (sekiranya perlu) dan nombor telefon. Jika perlu selepas menulis maklumat, bacakan kepada sumber, fakta yang mahu disemak semula. Wartawan radio dan televisyen harus memastikan sebutan nama seseorang itu betul. Nombor telefon tidak dimasukkan ke dalam berita tetapi diperlukan untuk menyemak fakta yang kurang jelas.

(ii) Panduan telefon boleh juga digunakan untuk menyemak nama, pangkat seseorang dengan betul. Contoh: Tan Sri, Datuk Sri dan lain-lain.

(iii) Jangan bersikap anda tahu segalanya tanpa berusaha membuat semakan bagi sesuatu fakta penting.

(iv) Sekiranya rencana yang hendak ditulis itu begitu rumit, pastikan yang anda faham apa yang ditulis. Kalau anda sendiri sebagai penulis tidak faham, bagaimanakah pembaca akan memahaminya.

1.3 Rangka Rencana

Menurut definisinya, rangka rencana ialah garis kasar atau catatan panduan tentang apa yang mahu ditulis di dalam sesebuah rencana. Ia bertujuan memudahkan penulis untuk mengenal rencana itu secara kasar terlebih dahulu. Dengan cara demikian, kita dapat mengetahui kekurangan dan kelemahan yang mesti diperbaiki sewaktu menulis deraf.

Penulis akan mendasarkan rencananya dari sebuah tajuk besar yang ingin dibincangkan dan kemudian menyusunnya mengikut urutan kepentingan. Di bawah tajuk ini dimasukkan contoh, peristiwa, anekdot, statistik, dan perincian yang digunakan dalam penulisan rencana itu.

Dengan menyusun garis kasar itu terlebih dahulu, wartawan dapat membuat perimbangan fikiran dan pendapat yang mahu dikemukakan. Fikiran mana yang mahu ditegaskan atau pendapat mana yang mahu dikecilkan boleh diperluaskan untuk menjadi sebuah tema yang mempunyai kesimpulan sendiri. Dengan menjadikan garis kasar ini sebagai dasar rencana secara logik, maka dapatlah dihuraikan fikiran dan pendapat penulis dengan jelas dan terang. Sebuah perenggan boleh digabungkan antara satu sama lain. Jalan fikiran rencana itu boleh beralih dari satu tingkat ke satu tingkat secara lancar dan kemas.

Apa yang perlu dipastikan ketika menyusun rangka rencana ini ialah ukuran panjang rencana tersebut. Di samping itu, penulis juga perlu mengetahui golongan pembaca yang akan membaca rencananya. Beliau juga wajar mengetahui stail penulisan rencana akhbar tempatan. Dengan kepastian ini, barulah penulis dapat menyesuaikan rencananya dengan golongan pembaca yang akan membaca rencananya. Ketika membuat catatan untuk rangka rencana, penulis wajar mengemukakan pertanyaan yang jawapannya diketahui oleh para pembaca yang mengikuti rencana itu.

Setelah catatan disediakan barulah penulis dapat mengembangkan deraf karangannya yang kemudian menjadi deraf rencana. Lazimnya, apabila deraf ini siap, ia perlu ditulis dan disemak beberapa kali. Semasa semakan itu kesalahan fakta dan bahasa dibetulkan.

1.4 Pendulu Rencana

Rencana juga mementingkan Pendulu yang baik. Sebuah Pendulu yang tidak menarik boleh membunuh minat pembaca untuk meneruskan pembacaannya. Pendulu rencana ini mempunyai dua tujuan penting:

1. Bagi menarik minat pembaca.
2. Memperkenalkan kepada pembaca akan isi kandungan rencana.

Para penulis mempunyai banyak cara untuk memulakan rencananya. Penulis boleh memeranjatkan pembaca. Mereka boleh menghairahkan pembaca untuk terus membaca atau memberi maklumat yang mendarat sahaja.

Wartawan yang menulis rencana haruslah faham dan tahu menggunakan Pendulu yang tertentu dan sesuai. Dengan cara ini dapatlah dihasilkan sebuah rencana dengan menggunakan ayat-ayat yang menarik bagi memancing minat pembaca. Pendulu yang boleh digunakan adalah sama pendekatannya dengan jenis pendulu yang digunapakai semasa menulis berita.

Penulis mesti mengambil kira kepentingan pendahuluan dalam penulisan mereka. Pembaca tertarik membaca rencana utama apabila mereka membaca Pendulu yang menarik. Pendulu lazimnya merangkumi dua atau lebih perenggan yang memulakan satu - satu rencana utama. Pendulu akan menentukan mood pembaca, merangsang pembaca untuk terus membaca.

1.5 Tubuh Rencana Dan Penutup

Bahagian isi rencana utama atau Tubuh Rencana wajar disusun atur agar mudah dibaca dan difahami pembaca. Bahagian ini memberikan maklumat penting selain mendidik, menghibur dan menyentuh emosi pembaca dengan subjek yang dikupas.

Wartawan sering menghadapi masalah menghubungkan Pendulu dengan Tubuh rencana di perenggan kedua. Usaha perlu dibuat dengan teliti bagi memastikan ia akan terus menarik minat pembaca membacanya hingga selesai. Di dalam penulisan berita biasa, tugas ini agak mudah kerana ia mempunyai bentuk tertentu dengan menggunakan bentuk Piramid Terbalik. Oleh kerana itu, penulisan rencana menjadi bertambah

sukar sedikit dibandingkan dengan penulisan berita. Walau bagaimanapun, jika diteliti cara ini akan memberi peluang kepada penulis menggunakan daya kreatif serta kebolehan menulis dengan lebih bebas.

Walaupun bagaimanapun, sebagai panduan kasar bentuk Piramid Terbalik boleh digunakan dengan beberapa perubahan tertentu. Perbezaan yang agak khusus dengan berita biasa ialah rencana perlu mempunyai perenggan penutup di akhir perenggan. Dua sebab utama kenapa rencana perlu perenggan penutup ialah:

(i) Oleh kerana rencana yang ditulis tidak basi, bermakna ia tidak perlu dipercepatkan penerbitannya. Pengarang mempunyai masa yang lebih untuk menyunting atau memotong mana yang tidak penting dari keseluruhan rencana tanpa memotong perenggan penutup. Sekiranya rencana itu baik dan menarik pengarang boleh menyimpan rencana ini pada hari terdapatnya banyak ruangan kosong. Pengarang berkenaan boleh merancang bentuk rencana itu terlebih dahulu sebelum diterbitkan.

(ii) Penulis rencana merupakan seorang pencerita yang baik. Dia berhati-hati menyusun faktanya dan memastikan cerita itu mempunyai puncak yang menarik dan boleh dibuat di perenggan akhir.

1.6 Jenis Penutup

Rencana utama boleh ditutup dengan klimaks atau ditamatkan dengan sesuatu subjek atau peristiwa. Ringkasan atau kesimpulan fakta diikuti dengan harapan, penegasan/pemujukan. Penutup mestilah menutup pendahuluan yang dihasilkan.

Ada beberapa jenis penutup yang sering digunakan dalam penulisan rencana. Antaranya ialah:

(i) Penutup Ringkasan:

Penutup ringkasan lazimnya dibuat dengan merumuskan perkara yang dibincangkan dalam keseluruhan rencana tersebut. Sekiranya rencana itu berhubung dengan sesuatu masalah, penutup ringkasan cuba memberikan pandangan pengarang secara umum cara yang berkesan untuk menyelesaikan masalah yang dibincang.

(ii) Penutup Mendadak:

Penutup mendadak mungkin meninggalkan kesan secara tiba-tiba kepada pembaca. Penulis begitu berhati-hati memperkembangkan ideanya dengan membina plot yang rapi dan menamatkannya secara mendadak.


(iii) Penutup Puncak:

Penutup puncak popular dan sering digunakan di dalam penulisan cerpen. Namun, ia boleh juga digunakan di dalam penulisan rencana dengan tujuan membina minat pembaca menghayati sehingga perenggan puncak apabila rencana itu ditamatkan. Ia menggunakan penyusunan waktu dan menempatkan fakta yang paling berkesan di puncaknya.

(iv) Penutup Tergantung :

Ketika menggunakan Penutup Tergantung, penulis sengaja menghabiskan rencananya itu dengan begitu mendatar dan bersahaja tanpa menjawab persoalan yang mungkin timbul. Ia menyerahkan kepada pembaca untuk menimbang dan memberikan jawapannya. Penulis menamatkan rencana tersebut sebelum tiba ke puncak.


RAJAH PIRAMID RENCANA



Seorang penulis perlu menilai penutup rencananya bagi memastikan ia tidak mengganggu kelancaran perjalanan rencana itu pada keseluruhannya. Penutup rencana merupakan satu ciri yang mudah ditulis. Kadangkala, penulis baru di bidang penulisan rencana sering menghadapi kesukaran untuk menamatkan rencananya sedangkan ia boleh dibuat dengan begitu mudah.

Di samping menggunakan sistem Piramid Terbalik, sebagaimana dibincangkan pada peringkat awal buku ini, Rencana juga boleh ditulis dalam bentuk Piramid Kronologi. Lazimny, penggunaan piramid ini dibuat dalam rencana yang mempunyai banyak fakta dan maklumat. Setelah menggunakan Pendulu yang berkesan, penulis terus menceritakan peristiwa yang berlaku, membina puncaknya, diselang-selikan dengan kiasan dan seterusnya penutup.

RAJAH PIRAMID KRONOLOGI



Sebagaimana Pendulu dan Penutup, penulis hendaklah menulis rencana dengan cara yang bersahaja. Penulis tidak boleh memaksa dirinya menulis secara Piramid Terbaik, Piramid Kronologi atau tanpa apa-apa piramid sama sekali, sekiranya ada cara lain yang lebih sesuai. Rencana yang agak panjang mungkin memerlukan adunan beberapa bentuk yang disebutkan. Ia mungkin berbentuk Piramid Terbalik dengan penutup atau Piramid Kronologi. Ini terpulang kepada budi bicara penulis sendiri menulis rencananya dengan lancar, logik dan bersahaja menurut dasar penulisan rencana yang baik.

1.7 Alat Penyambung

Sebuah rencana ditulis berdasarkan nota panjang yang memuatkan beberapa fakta mengenai sesuatu perkara. Setiap maklumat yang ada merupakan “Batu-bata” yang perlu ditambah bagi mendirikan “rumah-rencana” pada keseluruhannya. Di antara “batu-bata” itu diperlukan, alat penyambung yang mengikat pertalian arus rencana yang ditulis. Alat penyambung yang dimaksudkan boleh berbentuk satu perkataan, beberapa kalimat ataupun perenggan. Ia mempunyai dua tanggungjawab khusus:-

(i) Meletakkan fakta baru ke tempatnya.

(ii) Menerangkan fakta baru itu.

Biasanya perkataan seperti berikut digunakan sebagai alat penyambung atau dikenali sebagai Penanda Transisi.

Selepas itu, sementara itu, walau bagaimanapun, tetapi, sejajar dengan, dalam, perkembangan ini, sebelum itu, semasa, dll. Alat penyambung ini bertujuan untuk memberitahu kepada pembaca mengenai perkara yang berkaitan untuk memberikan maklumat yang sejelas-jelasnya kepada mereka. Alat penyambung perlu ringkas dan bersahaja. Ia tak seharusnya menyekat aliran pembacaan para pembaca.

Penanda Transisi, lazimnya digunakan untuk menghubungkan satu perenggan dengan perenggan yang lain. Pertalian digunakan dalam rencana utama untuk menghubungkan isi dengan kesimpulan. Pertalian ini boleh hadir dalam bentuk individu, peristiwa atau perkara dan biasanya menjelaskan tema cerita. Pendekatan ini membolehkan pembaca membaca dengan mudah dan membantu pembaca mengaitkan pendahuluan, isi dengan penutup.

1.8 Teknik Menulis Rencana

Setelah mengetahui secara kasar rangka rencana, penulis perlu juga mengetahui teknik penulisan rencana yang mahu digunakan. Teknik yang lazimnya digunakan di dalam penulisan rencana boleh dibahagikan kepada tiga bentuk.

(i) Memilin:

Penulis menghuraikan perkara yang mahu dibincangkan dengan menghubungkan perenggan sebelumnya. Ini bermakna ada persambungan fakta dan pertalian dari satu perenggan ke perenggan yang lain.

(ii) Perenggan blok:

Fakta yang dihuraikan adalah menurut perenggan. Sekiranya satu perenggan itu terlalu panjang ia dipecahkan kepada perenggan yang kecil.

(iii) Menurut tema:

Fakta dihuraikan berdasarkan tema yang dibincangkan. Setiap perenggan akan menghubungkan tema yang dibincangkan. Di dalam penulisan rencana, setiap penulis seringkali mencampur-adukkan teknik ini sekadar mengurangkan kebosanan pembaca. Penggunaan satu teknik sahaja, mungkin akan menghasilkan sebuah rencana yang terlalu biasa dan mendatar.

Di samping menggunakan tiga teknik tadi, penulis juga perlu memberi perhatian di dalam pembahagian perenggan. Setiap perenggan perlu pendek dan tidak terlalu panjang. Sekiranya ia terlalu panjang, bukan sahaja sukar dibaca tetapi boleh membosankan pembaca.

1.9 Alat Bantu Menghasilkan Rencana

Setelah mengetahui secara umum cara menulis rencana, kita perlu juga mengetahui secara terperinci mengenai beberapa alat lain yang diperlukan untuk menghasilkan sebuah rencana yang baik.

(i) Fokus

Fokus merupakan langkah pertama yang dibuat bukan sahaja memilih tajuk rencana tetapi juga ketika menulisnya. Ia merupakan tema keseluruhan bagi rencana yang mahu ditulis. Fokus diibaratkan sebagai tulang belakang atau tiang pasak sebuah rumah. Ketika menulis rencana itu, hendaklah dipastikan setiap maklumat yang diterima menyentuh secara langsung atau tidak langsung tiang pasak tadi. Sekiranya tiang itu tidak kukuh, rencana yang dihasilkan juga tidak kukuh. Dalam soal pemilihan tajuk, penulis hendaklah berhati-hati memilih pendekatan yang sesuai dan tidak begitu lurus serta boleh dilengkapi dengan fakta yang diperlukan.

Seorang wartawan mungkin ditugaskan membuat sebuah rencana mengenai fesyen rambut lelaki. Sekiranya penulis berkenaan bercadang menulis mengenai tajuk itu secara umum, mungkin dia boleh membuat sebuah novel. Tetapi, kalau pendekatannya terlalu khusus seperti fesyen rambut ‘Beatles’, ini mungkin pula membosankan.

Apa yang wajar dibuat, wartawan boleh menulis dari beberapa sudut penulisan rencana. Wartawan berkenaan boleh membuat perkara berikut;

(i) Membuat pertemuan dengan seorang pendandan rambut yang menghabiskan usianya mendandan rambut. Sudut penulisan yang boleh didapati ialah perubahan stail rambut lelaki dari zaman mula hingga sekarang.

(ii) Bertemu dengan pendandan rambut dan bertanya tentang stail rambut terbaru. Pelanggannya juga boleh ditemui untuk mendapatkan pandangan mereka. Sudut penulisan yang boleh difikirkan ialah fesyen rambut terbaru.

(iii) Mendapatkan pandangan dari kalangan kaum wanita mengenai stail rambut lelaki. Stail yang mereka minati dan rasional masing-masing. Pandangan dari pakar rambut dan model boleh juga didapatkan.

Walaupun pandangan yang didapatkan berlainan, tetapi fokusnya ialah mengenai perkara pokok iaitu stail rambut lelaki. Dalam hubungan ini, wartawan berkenaan mempunyai banyak maklumat untuk menulis rencananya.

Daripada contoh di atas dapat diperhatikan pengkhususan yang dibuat. Dalam hal ini, wartawan berkenaan terpaksa memastikan yang dia tidak lari dari tajuk asal dan bertanyakan mengenai fesyen pakaian atau perkara lain yang berkaitan.

Sekiranya perkara yang tidak ada hubungannya ini dimasukkan, ia boleh membingungkan dan membosankan para pembaca. Penulis juga akan terpesong dan tidak dapat memastikan apakah tema yang hendak diketengahkan.

Oleh itu, disiplin diri adalah penting untuk memastikan perkara ini tidak berlaku. Walaupun perkara ini tidak begitu diutamakan, namun wartawan yang berpengalaman sering juga melakukan kesilapan yang sama.

Disiplin yang ketat di kalangan penulis rencana boleh wujud daripada sikap dan kesedaran. Sikap utama yang perlu diberi perhatian ialah penulis boleh berhubung dengan pembaca menerusi tulisannya. Dia hendaklah memastikan yang tulisannya itu bukan sekadar hendak menyenangkan hati sendiri tanpa memperhitungkan kehendak pembaca. Kesedarannya pula adalah penting bagi memastikan yang setiap perenggan yang ditulis, diteliti dan diperiksa dengan hati-hati.

Fakta yang diperolehi hendaklah diperiksa. Sekiranya ia tidak ada kena-mengena dengan tajuk yang sedang dibincangkan, tidaklah perlu dimasukkan. Sekiranya dirasakan fakta itu samar-samar, ketepikan sahaja fakta tersebut.

Setelah selesai menulis rencana berkenaan, teliti setiap perenggan yang ditulis. Tanya pada diri sendiri, sama fakta itu penting dan diperlukan. Kalau tidak penting tinggalkan sahaja.

Fokus ini penting ketika membuat rencana panjang apabila penulis terpaksa mengendalikan banyak maklumat. Ketika membuat sebuah rencana mendalam, adalah menjadi satu kelaziman di kalangan penulis memasukkan fakta yang tidak lengkap dan kurang penting.

Sesebuah rencana yang panjang boleh membosankan pembaca sekiranya tidak diberikan perhatian. Hendaklah diingat bahawa sebuah rencana yang terlalu panjang menyebabkan pembaca malas untuk membacanya. Oleh yang demikian, penulis boleh menjadikan rencananya menarik dengan memendekkannya melalui penyuntingan yang teliti serta memotong fakta yang tidak penting.

Jika sekiranya pembaca tidak begitu berminat membacanya, maka perkara utama yang perlu diberikan perhatian ialah memastikan rencana itu mampu memancing minat pembaca supaya terus membacanya sehingga selesai. Kemampuan menarik minat pembaca ini perlu dimiliki oleh seorang penulis rencana.

Sebagai contoh, sekiranya seorang pembaca sedang khusyuk membaca rencana yang ditulis, kemudian di perenggan kelima terdapat fakta yang terkeluar dari tema rencana itu, ini boleh menimbulkan kebingungan kepada pembaca lalu membaca rencana lain.

Sebagai rumusan mengenai focus ini, wartawan harus

(i) berhati-hati memilih sudut penulisan yang hendak ditulis bagi memudahkannya penulisan rencana berkenaan.

(ii) penulis hendaklah menumpukan kepada tema keseluruhannya dan membuang fakta yang tidak ada kena-mengena dengan rencana berkenaan.

(ii) **Huraian:** Sekiranya dibuat perbandingan, televisyen mempunyai kemampuan yang lebih di dalam menghuraikan bentuk fizikal seseorang atau subjek di layar televisyen. Tetapi, para pembaca akhbar hanya mampu membayangkan imej subjek dari perkara yang dibaca ataupun yang paling mudah melihat sekeping gambar yang tertera.

Tetapi, kalau dikaji dan ditimbang semula, penulis rencana yang baik boleh menggambarkan watak dalam rencananya dengan lebih mendalam dan menarik. Imej di layar televisyen yang ditangkap atau diperolehi oleh

kamera televisyen hanya mendatar sifatnya, dan mempunyai satu dimensi. Berita televisyen misalnya yang begitu mementingkan masa tidak mempunyai kesempatan dalam menghuraikan imej watak di layar televisyen. Walaupun kamera televisyen boleh menangkap dan memperlihatkan wajah raut muka seseorang, seorang penulis yang cekap dan mahir boleh menghuraikan watak berkenaan dengan lebih mendalam dan bermakna. Seorang penulis rencana boleh membicarakan sikap, stail watak yang diliputi tadi dengan menggunakan kebolehan sebagai pemerhati yang teliti dan terlatih. Kalau membicarakan mengenai objek atau suasana kegembiraan, kesayuan dan lain-lain, penulis boleh memberi lukisan gambaran suasana ketika itu.

Seorang penulis rencana yang baik mempunyai rangkaian kebolehan berikut:

- (i) Sebagai pengumpul maklumat yang gigih,
- (ii) Pemerhati yang sentitif,
- (iii) Berilmu pengetahuan yang lengkap mengenai naluri manusia yang dikumpulkan melalui pengalaman;
- (iv) Kebolehan untuk menulisnya dengan berkesan dan menarik.

Ketika mengumpul maklumat yang dikehendaki, seorang wartawan itu boleh menghabiskan masa berjam-jam, berhari-hari atau berminggu-minggu mengumpul bahan tentang apa yang hendak ditulisnya. Apabila rencana itu ditulis, akan lahir lah sebuah rencana yang lengkap dengan fakta, menarik dan berjaya memancing minat pembaca membacanya sehingga tamat.

Usaha serupa ini telah dibuat oleh wartawan di dalam kumpulan 'New Journalism', seperti Gay Talese, Truman Capote dan Tom Wolfe'. Penulis di dalam golongan ini meletakkan diri mereka sebagai golongan kreatif tetapi mempunyai kemampuan kemahiran untuk menulis karangan berbentuk deskriptif. Gay Talese yang menulis sebuah rencana profil bintang filem/penyanyi Frank Sinatra, dengan mengekorinya ke mana-mana sahaja. Talese telah berjaya menghasilkan sebuah rencana yang asli dan menarik. Beliau juga telah menyiapkan sebuah novel, hasil pengumpulan maklumat selama lebih daripada lima tahun bertajuk '**Luv Thy's Neighbours Wife**'. Sepanjang masa pengumpulan bahan, beliau

mewawancara beratus-ratus pelacur, tuan punya kelab malam, rumah urut dan beliau sendiri pernah menjadi tuan punya kelab tarian bogel di kota raya New York. Hasil dari usaha ini, beliau berjaya menghasilkan sebuah buku yang menakjubkan.

Bob Woodward dan Bernstein yang menjatuhkan Presiden Nixon dalam liputan rencana mereka di akhbar **Washington Post** serta buku mereka di '**All The President's Men**' adalah satu lagi contoh yang baik. Di negara ini pengarang terkenal Abdullah Hussein banyak menulis cerpen berdasarkan pengalaman sendiri. Beliau mungkin boleh digolongkan di bawah wartawan **New Journalism**.

(iii) Kiasan Atau Anekdote: Di dalam penulisan rencana, kiasan memainkan peranan penting membantu menarik minat pembaca untuk terus membaca rencana yang disajikan. Kiasan memberi lukisan yang lebih luas dan keterangan yang lebih memuaskan pembaca. Ia merupakan cerita yang menghubungkan dan mempertalikan rencana itu pada keseluruhannya. Untuk mendapatkan kiasan, wartawan mungkin terpaksa bertemu bual dengan beberapa orang untuk mendapatkan keterangan mengenai subjek yang ditulisnya. Penulis Zahari Affandi memberi kiasan orang tua, pemabuk sebagai "Mulutnya berbuih-buih seperti siput babi".

(iv) Petikan: Di dalam sebuah rencana, petikan langsung merupakan alat penting. Seorang penulis menggunakan petikan langsung untuk mengubah struktur penulisan bagi mengurangkan kobosanan para pembaca. Pengarang novel menggunakan dialog untuk mengurangkan kebosanan dalam penulisan. Setelah membentuk peribadi dalam jalan ceritanya, penulis akan membiarkan wataknya 'bercakap' untuk menghidupkan watak yang telah diberi. Walaupun nada suara tidak dapat didengar dari penulisan rencana sebagaimana di media elektronik, namun penggunaan perkataan dan stail yang baik boleh menonjolkan sesuatu watak dalam rencana itu.

Bagi penulis rencana di akhbar, kebolehan menggunakan petikan yang baik merupakan satu faktor penting bagi memastikan pembaca rencananya tidak berpindah membaca ke ruangan lain. Sekiranya keseluruhan rencana yang disajikan dengan petikan secara tidak langsung sahaja, pastilah rencana itu bentuknya mendatar sahaja dan ini boleh membosankan. Kita ambil contoh satu petikan.

"Seringkali hati kecil ini menyuarakan supaya berhenti kerja sahaja".

Petikan ini merupakan petikan biasa. Tetapi sekiranya dirangkumkan ke dalam sebuah rencana yang ditulis, ia dapat membayangkan perasaan orang yang berkata itu. Walau bagaimanapun, ketika menggunakan petikan langsung, penulis hendaklah berhati-hati agar tidak melanggar etika kewartawanan. Petikan itu hendaklah betul dan bukan dibuat tanpa berdasarkan perbualan sebelumnya. Wartawan juga harus memastikan bahawa petikan diletakkan di tempatnya yang sewajar.

Seperkara lagi yang harus diberikan perhatian ialah masalah **Off-the record**. Di dalam pertemuan dengan sumber, sekiranya mereka ada menyebutkan **‘Off-the record’**, bagi sesuatu fakta, hendaklah dipastikan yang ia tidak dipetik di dalam rencana.

Ketika membuat petikan terdapat masalah sama ada hendak menggunakan petikan walaupun terdapat kesilapan nahu dan tatabahasa di dalamnya. Dalam hal ini, adalah menjadi kewajipan wartawan berkenaan membetulkannya. Logiknya perkara ini dibuat ialah supaya tidak memalukan sumber yang telah pun memberikan maklumat kepada wartawan yang berkenaan. Sumber berkenaan pasti akan bekerjasama dengan penulis tersebut pada masa-masa akan datang. Walau bagaimanapun, tidak ramai sumber yang tahu kesilapan nahu tatabahasanya yang telah dibetulkan. Pada ketika lain pula, ada kalangan sumber ketika di dalam ucapannya menggunakan bahasa pasar untuk memudahkan pendengarnya. Perkara ini juga hendaklah diperbetulkan dan tidak perlu ia dimasukkan di dalam petikan.

Ketika menulis petikan, banyak masalah teknikal yang mungkin dihadapi. Satu kesalahan yang umum ialah membuat petikan yang berlebih-lebihan (over-quoting) atau petikan yang terlalu ringkas (under-quoting). Sekiranya dibuat petikan yang berlebih, ini akan menyusahkan pembaca kerana ia terlalu panjang. Sekiranya terlalu ringkas pula, mungkin fakta yang mahu disampaikan dalam petikan tidak mencapai maksudnya.

1.10 Panduan Membuat Petikan

- (i) Hendaklah dipastikan yang petikan itu jelas, padat, ringkas dan kena maksudnya.
- (ii) Hendaklah dipersoalkan sama ada maklumat yang hendak disampaikan melalui petikan itu dapat menguatkan fakta.
- (iii) Pastikan setiap petikan tidak terlalu ringkas dan tidak pula berlebihan sebagaimana dibincangkan sebelum ini. Kadangkala petikan yang terlalu pendek, padat dan ringkas boleh digunakan.

Petikan boleh juga dibuat dalam dua perenggan sekiranya cara demikian lebih berkesan.

Setelah memahami konsep yang telah diberi, bolehlah anda menggunakan dengan berhati-hati. Mungkin setelah biasa menggunakannya, para penulis akan mempunyai kemampuan tersendiri menggunakannya dengan lebih berkesan lagi. Cara tersendiri akan terbentuk, dan ini boleh membantu para penulis seterusnya dalam memperbaiki cara penulisannya.

1.11 Sumber Rencana

Bagi mendapatkan sumber rencana sebagaimana sumber berita adalah merupakan masalah yang mungkin dihadapi oleh penulis. Berlainan dengan wartawan biasa, penulis rencana sukar mencari bahan menarik untuk dijadikan sebuah rencana. Ini ialah kerana rencana tidak sama dengan berita biasa dan dengan demikian perlu menarik minat pembaca agar membaca rencana yang panjang.

Manusia, tempat dan apa juga yang merupakan sumber boleh dijadikan sebuah rencana. Misalnya di sebuah kampus, anda mendengar salah seorang penuntut di universiti itu memenangi hadiah pertama pertandingan menulis novel anjuran GAPENA. Anda boleh berwawancara dengannya, dan bertanya perkara yang mungkin menarik minat pembaca.

Seorang pelajar yang telah mengambil peperiksaan HSC/STP sebanyak sepuluh kali dan kini berada di tahun akhir misalnya, boleh dijadikan sebuah rencana yang menarik. Sekurang-kurangnya ini boleh memberikan galakan kepada orang lain untuk terus belajar dan menjejakkan kaki ke universiti. Kemungkinan ada daripada kalangan pelajar di universiti yang terdiri daripada anak menteri, penyanyi, dramatis, penyajak dan lain-lain. Ini juga boleh dijadikan bahan rencana. Penuntut dari luar Malaysia yang menuntut di negara ini, boleh dijadikan satu tajuk rencana yang baik. Mengapa mereka memilih Malaysia? Apakah masalah yang mereka hadapi?

Sikap penulis sendiri ‘yang ingin tahu’ mengenai sesuatu perkara boleh dijadikan rencana. Ini terletak kepada budi bicara wartawan sendiri untuk memilih tajuk dan mengembangkannya.

Satu lagi tempat yang sering dijadikan pusat mengumpul bahan untuk rencana ialah *Beat* wartawan masing-masing. Wartawan yang menulis mengenai hiburan akan menulis rencana hiburan. Begitu juga dengan perdagangan, sukan, politik dan lain-lain. Mereka yang bertugas di lapangan terbang, mahkamah atau ibu pejabat polis, di hari-hari tertentu boleh menulis rencana menarik mengenai perkara yang berlaku di *Beat* masing-masing.

Bagi wartawan yang membuat liputan umum, yang tidak mempunyai *Beat* yang khusus untuk diliputi, mereka lebih bebas memilih tajuk rencana. Satu cara yang jarang digunakan dalam penulisan berita ialah pengalaman sendiri. Misalnya, mengenai pekerjaan ‘jaga kereta’, wartawan hendaklah mengalami sendiri cara mereka menjalankan tugas. Hanya dengan cara demikian, mereka dapat menerangkan kepada pembacanya. Walau bagaimanapun, terdapat risikonya seperti tertangkap oleh polis dan lain-lain. Tajuk lain yang menarik ialah seperti pengalaman peminta sedekah dan penjual tiket gelap di pawagam. Mungkin risiko yang timbul boleh dielakkan sekiranya diberitahu kepada pihak berkuasa. Tetapi perkara ini jarang dilakukan, jadi kita tidak tahu masalah yang akan timbul.

1.12 Jenis Rencana

Jikalau kita masih ingat akan definisi Rencana, salah satu ciri yang disebut ialah ada rencana yang tidak perlu mempunyai nilai berita. Ini berbeza daripada siaran berita yang harus mempunyai nilai berita.

Seterusnya, kita akan membicarakan jenis rencana yang mempunyai nilai dan yang tidak mempunyai nilai. Oleh yang demikian, rencana ini pada dasarnya boleh kita bahagikan kepada berita rencana atau *Situation Feature* dan *Human Interests*.

Berita rencana ini dibuat berdasarkan kepada berita semasa yang boleh menarik minat pembaca. Berita rencana ini dapat membantu pembaca mengetahui dengan lebih mendalam mengenai isu tersebut yang mungkin tidak termuat dalam berita berkenaan. Rencana ini didasarkan kepada peristiwa yang baru sahaja terjadi.

Harry F. Harrington dan Lawrence Martin dalam bukunya *Pathways to Print* membezakan bentuk rencana ini dengan rencana interpretative sebagaimana berikut:

Berita rencana adalah dilengkapi ditulis dengan mengemukakan bukti pro dan kontra ataupun memberikan pendapat, sedangkan interpretasi diserahkan kepada pembaca sendiri. Rencana jenis ini tidak mengemukakan pendapat baru. Rencana hanya menganalisa, menyelaraskan dan menyelesaikan masalah serta tanggapan yang kurang dimengerti oleh pembaca, di samping implikasi yang tersembunyi daripada kejadian yang berlaku. *Situation feature*, sebenarnya adunan analisa masa lalu, sekarang dan masa depan. Ia menjelaskan “suasana” suatu insiden atau beberapa insiden yang baru terjadi supaya difahami. Ia juga biasa disebut cerita yang cukup lengkap.²

Berita rencana ini merupakan berita lanjutan kepada berita semasa yang diliputi. Satu contoh yang lain pula ialah liputan berita mengenai

² Curtis D. MacDougall, *Interpretative Reporting*, Macmillan Publishing Co. New York, 1972, halaman 493,494.

kebakaran besar, yang pada ketika itu secara kebetulan wartawan ada bersama-sama menyaksikan peristiwa itu. Pada keesokan hari, wartawan berkenaan boleh membuat dua berita dari peristiwa itu. Satu berbentuk berita biasa dan satu lagi berbentuk rencana. Begitulah seterusnya kalau ada apa-apa peristiwa berlaku di sekeliling seperti banjir, hujan, tanah runtuh, gempa bumi dan lain-lain.

Peristiwa Banjir Besar Penutup 2021 di Selangor dan kesannya pada masyarakat setempat, penantian keluarga penumpang pesawat MH370 yang hilang belum ditemui adalah beberapa contohnya. Tragedi yang membabitkan kehilangan nyawa manusia selalunya menjadi minat utama para wartawan di negara ini. Adalah menjadi tugas seorang penulis rencana untuk merakamkan peristiwa berkenaan dengan berkesan dan secara tidak langsung membantu pembaca menghayati rencana yang dibacanya. Walau bagaimanapun, ketika menulis rencana ini janganlah terlalu emosional sehingga melemahkan semangat pembaca. Bagi mendapatkan sesebuah rencana yang baik memerlukan seorang wartawan yang gigih, berpengalaman dan menggunakan sepenuhnya pengalaman tersebut di dalam tulisannya.

Dari kenyataan yang diberi, tidaklah bermakna seorang penulis rencana itu hanya menulis rencana tragedi. Mereka juga boleh menulis apa saja bentuk rencana berdasarkan isu-isu semasa yang menarik. Sekiranya pada ketika itu sedang diadakan pilihanraya umum, maka wajarlah bagi penulis berkenaan menulis cara-cara berkempen, sikap dan sifat calon yang bertanding selepas pilihanraya dan lain-lain.

Rencana ‘Human Interest’

Rencana *human interest* berkisar kepada cerita manusia biasa, perkara luar biasa, tempat menarik atau mempunyai unsur sejarah. Berbeza daripada berita biasa, rencana wajib mempunyai nilai berita. Ia tidak basi dan tidak mengandungi maklumat penting untuk pembaca sebagaimana berita biasa.

Rencana serupa ini merupakan yang biasa ditulis oleh para wartawan. Seorang penulis boleh menyiapkan rencananya berdasarkan inisiatif dan kaya kreatif serta tidak bergantung kepada peristiwa semasa yang berlaku di sekelilingnya semata-mata. Di antara tajuk yang boleh diketengahkan ialah nasib penagih dadah, kisah penjaga kereta, cerita gadis kilang, kehidupan peneroka FELDA dan lain-lain.

Cerita menggunakan kanak-kanak sebagai watak utama juga popular di dalam penulisan rencana 'human interest'. Antaranya ialah mengenai kanak-kanak miskin yang ditinggalkan oleh kedua ibubapanya. Tajuk lain di bawah kategori ini termasuklah hal-hal binatang, pengembaraan, kesedihan, humor, hiburan dan perkara ganjil.

Satu lagi bentuk rencana yang boleh dikategorikan di bawah *human interest* ini ialah cerita berhias atau *colour stories*. Penulis boleh membuat rencana yang bertemakan suasana kegembiraan seperti Pesta Konvo, Perayaan Hari Kemerdekaan, Hari Buruh dan lain-lain. Ia merupakan berita ringan, berbentuk deskriptif yang boleh menjelaskan dan menghuraikan suasana kegembiraan di dalam sesebuah pesta keramaian. Pertaandingan akhir Pesta Bola Merdeka misalnya boleh dijadikan satu tajuk menarik. Dalam hubungan ini, penulis berkenaan bukan menulis laporan mengenai perlawanan tetapi suasana di stadium sebelum atau sesudah perlawanan. Begitulah juga dengan suasana meriah semasa perayaan ulang tahun kemerdekaan dan perayaan lain.

Profil Peribadi

Satu lagi bentuk penulisan rencana yang berbeza dan tidak termasuk dalam dua jenis dasar yang dibincangkan ialah penulisan profil. Seorang penulis yang baik boleh menghidupkan dan menonjolkan watak seseorang itu melalui tulisan yang teliti dengan melukiskan watak tersebut berdasarkan kepada beberapa sudut.

Rencana jenis profil menceritakan hal-hal tentang pencapaian dan kejayaan seseorang tokoh. Biasanya rencana ini memuatkan gambaran tentang diri, individu yang menunjukkan keperibadian, keistimewaan dan ketokohan. Orang yang diprofilkan merupakan orang yang terkenal. Rencana jenis ini menceritakan latar belakang seseorang tokoh itu dan apa yang dilakukannya serta bagaimana dia menjadi terkenal

Menurut definisinya, profil ialah sejenis berita atau rencana yang ditulis secara mendalam mengenai seseorang berhubung dengan peribadinya. Profil peribadi ini merupakan cara bagaimana wartawan melukiskan watak seseorang. Berbeza daripada penulisan cerpen, wartawan mempunyai dua masalah yang terpaksa dihadapi.

(i) Watak yang ditulisnya merupakan manusia biasa yang berkemungkinan tidak berapa gemar cara dia dilukiskan melalui tulisan wartawan. Bagi seorang pelukis, mungkin lukisan itu dipulangkan, tetapi bagi penulis rencana, rencananya telah dibaca oleh orang ramai dan ini boleh menimbulkan isu fitnah. Keadaan ini tidak dihadapi oleh penulis cereka.

(ii) Berbeza daripada pelukis dan cerpenis, seorang wartawan itu terpaksa melukiskan watak tadi sepanjang ruang akhbar yang diberi. Oleh kerana kesempitan ruang, mereka terpaksa membentangkan fakta tadi terus kepada pembaca, tanpa perkembangan watak seperti dalam penulisan cereka.

Kita membuat rencana profil ini, adalah wajar penulis membuat penelitian terperinci melalui wawancara dengan kawan, saudara-mara dan sumber lain untuk mendapatkan fakta sebanyak mungkin mengenai subjeknya. Pemerhatian dan penelitian ini wajar mencakupi fakta mengenai sifat fizikal profil tadi.

Sifat-sifat fizikal ini perlu diberi perhatian ketika mengumpulkan bahan. Beberapa perkara di bawah ini boleh dijadikan bahan sesebuah rencana tentang profil seseorang.

(i) **Raut Muka:** Bentuk yang menonjol – tahi lalat, lesung pipit, mata biru dan lain-lain; Bentuk raut muka – licin, berkilat, hidung mancung, kempis dan lain-lain. Matanya – bercahaya, mengantuk, sepet dan lain-lain. Mulut – luas, kecil. Pipi – gebu, bertulang dan lain-lain.

(ii) **Warna kulit:** Putih, hitam, sawo matang.

(iii) **Rambut:** Berminyak, jarang-jarang, botak tengah, botak depan, Beruban. Warnanya – hitam, putih. Stail Rambut – Farah Fawcett, John Travolta, Elvis, Afro dan lain-lain.

(iv) **Bentuk (Fizikal):** Tinggi – Menggalah, runcing tirus. Gempal, kurus macam orang tidak makan.

(v) **Pakaian:** Warna yang gemari, suka bunga-bunga, berjalur-jalur. Stail tertentu, gemar memakai topi dan lain-lain. Memakai tali leher. Warnanya. Jenis kasut dan lain-lain.

(vi) **Tabiat:** Perangai – Ini merupakan faktor penting menilai watak. Adakah dia gemar meghisap rokok – berapa banyak? Jenis Rokok. Cara dia menghisap rokok dan lain-lain.

(vii) **Cara duduk dan berdiri:** Adakah dia duduk dengan punggungnya atau belakangnya dan berdiri berjalan tunduk, tegak atau melihat ke hadapan.

(viii) **Nada Suara:** Tinggi, rendah, parau, merdu, halus, menggigil, perlahan, gagap dan lain-lain. Mutu suaranya.

(xi) **Peribadinya:** (Personality)

(i) Cara berbual

(ii) Temponya.

(iii) Humornya.

(iv) Keyakinan pada diri sendiri.

(v) Cara menyesuaikan diri dengan orang lain sama ada orang dewasa, kanak-kanak.

1.13 Latihan

A. Susun rangka rencana mengenai lima tajuk rencana berikut:

- (i) Drama TV Melayu dan masalahnya.
- (ii) Majalah hiburan tanahair.
- (iii) Peranan belia berkerja sendiri
- (iv) Prestasi sukan bolasepak tanahair.
- (v) Minat membaca di kalangan kanak-kanak.

B. Dengan menggunakan teknik penulisan rencana, buat rencana berikut bagi siaran di salah sebuah akhbar di tempat kamu.

Panjang rencana (1,000 perkataan).

- (I) Usaha berdikari para belia di kampung kamu.
- (II) Liku-Liku Kehidupan Pemandu Grabs.
- (III) Budak jaga kereta.

C. Pilih dua tajuk yang bertemakan isu kampus. Selepas itu anda ditugaskan menulis salah satu rencana itu dalam bentuk berita rencana dan yang satu lagi bercorak Human Interest.

Bibliografi

1. Abdul Samad, *Kursus Wartawan*, Toko Buku Abbas Bandung, Melaka, 1966.
2. Charnley, Mitchell V., *Reporting*, Holt, Rinehart dan Winston, University of Minnesota Press, Minneapolis, 1966.
3. Flesh, R. *The Art of Readable Writing*, Collier Books, New York, 1949.
4. Ghazali Ismail, *Wartawan Dalam Seribu Suasana*, Utusan Melayu Bhd, Kuala Lumpur 1967.
5. Hariss, Julian dan Johnson, Stanley, *The Complete Reporter*, Macmillan Publishing Co., Inc., New York, 1965.
6. MacDougall, Curtis D., *Interpretative Reporting*, Macmillan Publishing Co., New York, 1972.
12. Akhbar-akhbar tempatan harian dan mingguan yang berbahasa Malaysia dan Inggeris, seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, New Straits Times, Star dan lain-lain.
13. *Suratkhabar- Fungsi serta Pengaruhnya di dalam Masyarakat*, disadur oleh Dr.S.S.Rochady, Alumni Bandung, 1970.
14. Taylor, R.M. *Essential Law for Journalists*, Staples Press, London, 1971.
15. T. Iskandar, *Kamus Dewan*, DBP, Kuala Lumpur, 1970.



Md Salleh Kassim dilahirkan di Johor Bahru pada 28 Ogos 1951. Beliau pernah menjadi wartawan RTM dari Tahun 1972-1978. Kemudian, beliau mengikuti kursus Diploma Kajian Sebaran Am di ITM. Seterusnya melanjutkan pelajarannya di Boston University dalam bidang yang sama. Sekembalinya dari Boston dengan Ijazah Sarjana Kewartawanan pada tahun 1980, beliau memulakan kariernya sebagai Pensyarah Penulisan Kreatif & Diskriptif, University Malaya & Pensyarah Kewartawanan di UKM. Pada tahun 1985 beliau bertugas di TV3 sebagai Penerbit, Penerbit Kanan dan jawatan terakhirnya Timbalan Pengurus Berita & Ehwat Semasa. Pada tahun 1992 beliau menubuhkan *Prime Time Communications Sdn Bhd* yang antara lain membekalkan program kepada TV3 dan RTM. Antaranya untuk TV3 : *Dari BSKL, Niaga, Wanita Hari Ini (Suasana & Imej), Saudagar Senja, Dying Trade, Asia Hebat, Citarasa, Muamalat, Addin & Neraca-Kisah Benar*. Untuk RTM : *Kenal & Cinta, Belajar Jawi, Lifeline & Belantara*.

Kerjaya terakhir beliau sebelum bersara termasuk Pengarah Editorial untuk TV internet *UMNOtv.com, EDUwebtv.com* - Kementerian Pelajaran, *mytourismtv.com* - Kementerian Pelancongan, *malaysiaview.tv, mobtv & mymalaysia.tv*.

